

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 19 JANUARI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16

### Pendaftaran Padu di Perak masih rendah

# Pendaftaran Padu di Perak masih rendah

**Parit:** Pendaftaran pengguna sistem Pangkalan Data Utama (Padu) di Perak masih agak rendah iaitu hanya sekitar 5.7 peratus setakat kelmarin.

Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Perak Mohd Ridauddin Masud berkata, lebih 107,000 daripada 1.8 juta individu berusia 18 tahun ke atas di negeri itu selesai mendaftar dan mengemaskini maklumat peribadi dalam sistem Padu sejak dilancarkan 2 Januari lalu.

Justeru, pihaknya akan menggandakan program pendaftaran beramai-ramai di kesemua 70 Pusat Ekonomi Digital (PEDi) seluruh Perak bagi memas-

tikan sasaran 100 peratus berdaftar sebelum 31 Mac ini.

“DOSM Perak bekerjasama dengan pejabat penghulu di setiap daerah seperti hari ini (semalam) dengan anggota kita digerakkan ke PEDi untuk membantu melicinkan pendaftaran masyarakat.

“Terdapat 70 PEDi di seluruh Perak, jadi memang anggota kita akan hadir secara berjadual bagi memudahkan urusan pendaftaran pengguna khususnya warga emas dan penduduk di kawasan luar bandar,” katanya pada Program Bersepadu Madani dan Pendaftaran Padu di PEDi Bota, di sini, semalam.